

# Lebih bebas tentukan hala tuju tanpa DAP

Di sebalik kehangatan menjelang Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar pada 18 Jun ini, PAS mengadakan Muktamar Tahunan Ke-62 bermula esok di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (PUTIK), Pengkalan Chepa. Muktamar yang asalnya berakhir 4 Jun dipendekkan sehari bagi memberi laluan kepada hari penamaan calon PRK pada 5 Jun.

Muktamar PAS kali ini agak istimewa kerana dua faktor. Pertama, ia adalah muktamar pertama selepas terputus hubungan PAS dengan DAP dan berakhirnya kerjasama politik dalam Pakatan Rakyat (PR). Kedua, muktamar ini diadakan sewaktu 'mood' pilihan raya sedang memuncak bagi menghadapi PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Setelah berkelana di Shah Alam (2013), Batu Pahat (2014) dan Kuala Selangor (2015), Muktamar PAS tahun ini kembali ke Kelantan, kubu kuat PAS. Kali terakhir PAS mengadakan muktamar di Kelantan pada 2012, iaitu empat tahun lalu. Pemilihan lokasi ini mempunyai makna tersendiri, umpama sirih pulang ke gagang selepas tidak lagi dalam pakatan pembangkang.

Perjalanan muktamar dua tahun sebelum ini banyak dipenga-

ruhi polemik dan kemelut PAS dalam kerjasama politik. Ini boleh dilihat melalui ucapan dasar Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang yang banyak memberi penegasan akan keperluan mengimbangi matlamat politik dengan mempertahankan dasar perjuangan parti. Kemuncak kepada kemelut ini, PAS meluluskan usul Dewan Ulama tanpa bahasa untuk membatalkan kerjasama politik dengan DAP tahun lalu. Usul ini dikeluarkan atas alasan kerjasama politik PAS dengan DAP, mengancam dasar asal perjuangan parti untuk mempertahankan Islam.

Perkembangan itu membawa kepada peralihan kepemimpinan PAS secara pukal. Kepemimpinan baharu PAS bagi tempoh 2015-2017 tidak lagi mempunyai kaitan dengan kerjasama politik terdahulu yang teguh memperjuangkan dasar perjuangan parti tanpa kompromi. Kemenangan besar kumpulan ulama, menyebabkan kekalahan teruk kumpulan pemimpin pro-PR sehingga bertindak keluar parti dan menubuhkan Parti Amanah Negara (Amanah). Parti serpihan PAS ini yang diketuai Mohamad Sabu meneruskan kerjasama politik dengan DAP dan PKR melalui pakatan pembangkang baharu, ia-

itu Pakatan Harapan (PH).

Muktamar PAS kali ini dijangka berlangsung dalam suasana berbeza berbanding sebelum ini. Banyak pihak melihat, dengan kedudukan PAS sekarang, parti itu semakin bebas untuk menyatakan perjuangannya tanpa menjaga hati pihak lain terutama DAP. Lebih-lebih lagi, Dewan Rakyat telah memberi laluan kepada Hadi untuk membentangkan usul Rang Undang-Undang Perseendirian mengenai Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (2016).

Ucapan dasar presiden akan menjadi penentu ke mana hala tuju PAS selepas ini. Apakah ucapan dasar itu nanti akan memberi fokus kepada strategi dan pendekatan baharu PAS atau masih lagi terimbau dengan kisah lama yang seterusnya menuding jari dan kesalahan kepada pihak lain.

Muktamar PAS kali ini berlangsung dalam mood pilihan raya, iaitu menjelang PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar. PAS sejak awal lagi berkeras untuk meletakkan calonnya meskipun mendapat tentangan parti Amanah. Apa yang pasti, PAS sudah tentu akan menggunakan muktamar kali ini untuk memperkukuh perpaduan ahli parti khususnya se-

lepas perpecahan dalaman berlaku sebelum ini. PAS juga baharu sahaja memecat Naib Presiden, Datuk Husam Musa pada 23 April lalu atas kesalahan melanggar perlembagaan, aturan dan peraturan parti.

Pemecatan Husam dijangka tidak memberi masalah besar kepada PAS kerana tumpuan parti sudah menjurus kepada persediaan menghadapi pilihan raya. Dalam keadaan sebegini, ahli parti lebih memberi fokus kepada persiapan jentera dan kempen pilihan raya, bukan membincangkan nasib individu atau mana-mana pemimpin. Laporan mengatakan bahawa Husam mahu kembali kepada PAS sebelum muktamar amat menarik perhatian. Persoalannya, apakah PAS bersedia mempertimbangkan semula kedudukan Husam atau membiarkan beliau menyertai parti lain?

Muktamar kali ini dilihat tidak membawa isu tertentu atau agenda besar. Keadaan PAS yang kembali tenang daripada pergelutan kerjasama politik akan mengekalkan status quo parti itu. Namun dengan ada muktamar ini, sekurang-kurangnya PAS boleh menyusun kekuatan parti menghadapi PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

## Komentar



**Mohd Izani Mohd Zain**

Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia

BERITA HARIAN

31/5/2016 p. 9